



Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi Menteri Pertahanan baru

Oleh: Kapt Aishah Ismail

Setelah melalui pelbagai cabaran dan rintangan sejak ditubuhkan 76 tahun yang lalu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Darat (TD) khasnya turut berubah mengikut peredaran zaman dan cabaran masa kini. Perubahan persekitaran serantau dan di arena antarabangsa yang nyata lebih kompleks dan mencabar memerlukan TD lebih bersiap sedia bagi menghadapi evolusi yang mendatang. Ke arah meningkatkan kesiapsiagaan ini, ATM amnya dan TD khasnya

sejak kebelakangan ini telah melaksanakan program-program pengstrukturkan atau pengubahsuaian semula organisasi kita. Amat jelas bahawa hala tuju untuk TD dibentuk sebagai sebuah angkatan yang kredibel, mudah diaturgerakkan, versatil dan berdaya musnah akan menjadi kenyataan dalam sedikit masa lagi.

Program-program sedemikian adalah perlu kerana selain dari mengenali keupayaan-keupayaan baru, TD harus membuat penyesuaian kepada keperluan-keperluan semasa agar dapat melaksanakan tugas-tugas dengan efisien, baik dalam aspek pentadbiran, latihan mahupun operasi/gerakan.

Sebagaimana yang telah diperkatakan, apa yang ingin dicapai ialah untuk menjadikan TD sebagai sebuah angkatan yang kredibel sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai '*a strong and effective deterrent force*'.

Kementerian Pertahanan yang dipimpin oleh Menteri Pertahanan dengan dibantu oleh Timbalan Menteri Pertahanan mengandungi dua perkhidmatan utama iaitu perkhidmatan awam dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kementerian ini bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Dasar Pertahanan Negara dan segala pengurusan hal ehwal pertahanan serta sumber-sumber yang disediakan kepada ATM untuk mempertahankan negara.

Kedatangan Menteri Pertahanan baru, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad amat dialu-alukan. Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi dilantik sebagai Menteri Pertahanan yang baru pada 10 April 2008 menggantikan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Apa yang diharapkan Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi dapat menerajui Kementerian Pertahanan dengan sebaik mungkin serta memahami aspirasi Angkatan Tentera Malaysia dengan penuh minat.

Tun Abdullah telah bersara setelah memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan mulai 17 September 2008. Beliau hanya berada di Kementerian Pertahanan dalam masa enam bulan sahaja, tempoh itu terlalu singkat untuk beliau membuat sebarang pembaharuan di dalam Kementerian Pertahanan.

Sebagai Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, umum sudah maklum bahawa masa Tun Abdullah amatlah padat namun beliau sudi melapangkan masa menyertai aktiviti dan lawatan rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera



Malaysia.

Menteri Pertahanan yang dipertanggungjawabkan menjaga hal-ehwal Angkatan Tentera Malaysia perlulah mempunyai kebijaksanaan dalam perihal strategi ketenteraan dan mestilah minat mengambil tahu perkembangan dunia ketenteraan yang tidak lekang dari teknologi termaju dan sentiasa bersedia membawa pembaharuan mengikut keperluan yang lebih utama.

Warga ATM yakin dan percaya bahawa Menteri Pertahanan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad sudah bersedia menghadapi cabaran-cabaran semasa.

Kesinambungan pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak akan terhenti walaupun negara turut menerima kesan daripada krisis ekonomi global.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi akan meneruskan segala perancangan memodenkan ATM yang dilaksanakan sejak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memegang portfolio tersebut.

Beliau ingin melihat pada masa hadapan pasukan



keselamatan ini mampu bertindak sebagai fasilitator, penjaga keamanan dan pengawal selia dasar keselamatan.

“Usaha pemodenan yang telah dirangka sejak zaman Najib akan diteruskan dan dipertingkatkan,” katanya pada perhimpunan bulanan Kementerian Pertahanan di Dataran Wisma Pertahanan.

Tambah beliau, ATM perlu sentiasa dipermodenkan agar selari dengan cabaran dan berupaya memikul tanggungjawab menjaga keselamatan negara. Sehingga Mac tahun ini, sebanyak 86 peratus daripada peruntukan keseluruhan untuk Kementerian Pertahanan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah digunakan.

Bagi tujuan itu juga katanya, beliau akan memberi fokus utama pada sistem pengurusan dan pentadbiran ATM.

“Sistem pengurusan Kementerian Pertahanan akan dititik berat kerana kerajaan mahu melihat ATM moden secara sistematik, komprehensif dan holistik.

“Sehubungan itu, soal kebajikan sumber manusia yang menjadi tunjang kekuatan ATM perlu dipastikan agar sentiasa terbela,” katanya.

Menurut beliau, dengan perancangan rapi serta sistem pemantauan teratur Kementerian Pertahanan berupaya melonjakkan ATM ke tahap yang lebih moden dari sekarang.

Beliau amat menitikberatkan aspek kebajikan anggota tentera, bekas anggota dan keluarga mereka akan menjadi keutamaan beliau di Kementerian itu. Menurutnya, ia dilakukan bagi meneruskan kesinambungan kepada usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika beliau memegang portfolio tersebut.

Katanya, aspek kebajikan pegawai dan anggota yang sedang berkhidmat dan telah menamatkan perkhidmatan, kebajikan keluarga serta pendidikan anak-anak mereka akan terus diberi perhatian.

“Kita juga akan menerapkan pendekatan Islam dalam pentadbiran bagi pegawai dan anggota beragama Islam, manakala bagi anggota bukan Islam akan diteruskan dengan konsep ajaran agama yang

dianuti mereka.

“Sebarang perubahan operasi akan dibincangkan antara Ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan Menteri dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia, manakala perubahan dasar yang lebih besar dan utama akan dirujuk kepada Perdana Menteri,” katanya.

Menurut beliau lagi, beliau akan mengadakan beberapa perbincangan lanjut selain meneliti beberapa doktrin pertahanan negara yang agak lama.

Menurutnya, ia bagi membolehkan pendekatan baru diterapkan, bersesuaian dengan tuntutan global dan konvensyen antarabangsa.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, pihaknya juga akan menjalin kerjasama dengan Kementerian Pelajaran bagi memperkasakan lagi kadet tentera di sekolah menengah. Jelas beliau, ia bagi memastikan penglibatan pelajar berkenaan dalam pasukan itu dapat membantu mengukuhkan lagi institusi pertahanan negara.

Katanya lagi, pelajar cemerlang yang menyertai pasukan beruniform itu juga dapat dikenal pasti untuk diserapkan ke peringkat pendidikan lebih tinggi.

Menteri Pertahanan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi kementerian baik awam atau tentera yang telah membuat persiapan terbaik bagi menyambut ketibaan beliau ke Kementerian Pertahanan. Kali pertama beliau melangkah masuk ke kementerian, beliau amat berbangga melihat kerjasama dan semangat kerja berkumpulan yang



ditunjukkan oleh semua warga kementerian sama ada pegawai dan kakitangan awam atau tentera yang mana sedar atau tidak ianya telah menaikkan lagi semangat saya untuk menerajui kementerian ini.

Ini merupakan cabaran bagi beliau untuk meneruskan legasi sebuah kementerian yang unik dan saya akan meneruskan dasar-dasar yang sedia ada dengan memberi keutamaan kepada budaya kerja yang berprestasi tinggi.